

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN HARI KEBAJIKAN MAKSAK MALAYSIA 1998
Lokasi : DEWAN PERBANDARAN TAIPING, PERAK
Tarikh : 11-04-1998

Saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izinnya dapatlah kita berkumpul di pagi ini untuk meraikan Majlis Sambutan Hari Kebajikan MAKSAK Malaysia bagi tahun 1998.

2. Pada tahun yang lampau majlis ini diadakan di sekitar Kuala Lumpur. Tetapi pada tahun ini bandar Taiping yang bersejarah ini dipilih sebagai tapak majlis supaya dapat kita memajukan atau mempopularkan program kebajikan ini keseluruh negara selaras dengan dasar Kerajaan untuk membangun masyarakat penyayang di negara ini. Sebagai sebuah badan sukan dan kebajikan bagi pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam, MAKSAK boleh memberi sumbangan yang bermakna bagi melahirkan masyarakat penyayang seperti yang diharapkan oleh Kerajaan.

3. Majlis amal pagi ini jelas menunjukkan keprihatinan dan kepekaan MAKSAK tentang perlunya kita membantu anggota-anggota masyarakat yang kurang bernasib baik.

Sebagai manusia, mereka juga berhak menikmati kesejahteraan hidup seperti orang lain. Walaupun kita dalam suasana krisis ekonomi dan perlu menitikberatkan langkah-langkah penjimatan, tetapi ini tidak menghalang kita dari menjalankan usaha-usaha amal dan menyumbang ke arah memupuk kesejahteraan rakyat. Pada pagi ini MAKSAK Kebangsaan akan memberi sumbangan derma kepada sekolah-sekolah anak yatim dan orang-orang cacat serta rumah-rumah orang tua. MAKSAK dengan kerjasama badan-badan amal di negeri ini telah juga mengumpul pakaian terpakai yang dicuci bersih untuk disumbangkan kepada badan-badan kebajikan. Program kebajikan dan kerja-kerja amal ini dapat ditingkatkan jika anggota-anggota Perkhidmatan Awam turut juga melibatkan diri secara aktif untuk menjayakan agenda-agenda sosial dan ekonomi Kerajaan yang lain, seperti gerakan pembelian barang-barang tempatan, gerakan membendung inflasi dan berjimat-cermat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Satu lagi aktiviti yang harus sentiasa dititikberatkan ialah aktiviti-aktiviti kesihatan dan kecergasan untuk semua lapisan pegawai-pegawai dan staf di dalam Perkhidmatan Awam. Di dalam program ini kita berhasrat untuk mewujudkan satu cara hidup yang sihat dan cergas. Sihat bererti bebas daripada sebarang penyakit.

Cergas ialah tahap ketahanan (endurance) seseorang dalam menjalankan sesuatu aktiviti. Aspek amalan makan dan pemakanan (diet and nutrition) juga perlu diberi perhatian yang berat. Kesihatan mental hendaklah juga dijaga dan diawasi. Matlamat kita ialah mewujudkan anggota-anggota Kerajaan yang sihat dan cergas baik dari segi fizikal maupun mental dan dengan itu membolehkan mereka memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan berkualiti.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada penganjur dan Jawatankuasa Pengelola PUSAPNITA, Majlis Sukan Penjara Malaysia, MAKSAK Negeri Perak, Agensi-agensi Kerajaan, pihak swasta, para penderma yang telah bekerjasama dalam usaha menjayakan majlis ini. Saya berharap majlis seumpama ini akan dapat diteruskan dan menjadi tradisi kekal di tahun-tahun hadapan.